

TINGKATKAN MUTU HASIL KELUARAN — PM

Negara maju saiingan kita

BM 6 227 1007

KUANTAN, Sabtu.

MALAYSIA perlu berusaha mencari jalan meningkatkan prestasi hasil keluaran dan perkhidmatan tempatan, supaya dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar lain di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu perlu bagi mengatasi ancaman negara-negara maju yang mulai tidak dipercayai doktrin perdagangan bebas yang mereka sendiri ketengahkan.

Katanya, tindakan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) cuba mengenakan cukai ke atas import semua jenis minyak sayur-sayuran ke negara-negara itu baru-baru ini, jelas bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas.

Selain itu, kempen antiminyak sawit oleh Persatuan Pengeluar Kacang Soya Amerika semata-mata bertujuan mengurangkan persaingan minyak sawit negara ini di pasaran Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

Beliau berkata, persaingan dalam apa bidang sekalipun adalah baik, tetapi persaingan yang dilakukan dengan cara yang tidak sihat akan menyebabkan persaingan bertukar menjadi ancaman.

"Ancaman-ancaman seperti ini hendaklah sentiasa diawasi di samping kita harus membuat persediaan menghadapi ancaman-ancaman yang lebih besar pada masa akan datang," katanya ketika berucap merasmikan Kompleks Felda di Tanjung Gelang, Pelabuhan Kuantan, dekat sini, sempena lawatan tiga hari ke negeri ini mulai hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan negara dalam industri minyak sawit tidak seharusnya dianggap mencukupi setakat pembukaan tanah dan pembinaan kilang sahaja.

Menurutnya, Malaysia perlu meneruskan pembabatan barangan hiliran yang lebih bernilai dan boleh digunakan dalam industri pembuatan barangan pengguna.

"Integrasi dalam industri seharusnya dipanjangkan seberapa yang boleh untuk menambahkan nilai keluaran eksport dan mempercepatkan pertumbuhan sektor perkilangan negara," katanya.